

# Penolong Naib Canselor UTHM lawat UMSKAL

UB 5.5.2013 B4

**PENOLONG** Naib Canselor (Pembangunan) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof Madya Dr Ahmad Tarmizi Abd Karim telah melawat ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Kehadiran beliau diraikan oleh Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr

Ismail Ali.

Beliau turut melawat pejabat bahagian dan meninjau projek pembangunan UMSKAL dari Tingkat 13, Pejabat Pengarah, Bangunan Menara.

Taklimat mengenai pembangunan fizikal dan pentadbiran serta Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) disampaikan oleh

Zamri di Bilik Seminar.

Turut hadir Penolong Pendaftar Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslianah Opao, Penolong Pendaftar Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, Fadzli Sarudi dan Penolong Bendahari, Saini Mohilap.

Ahmad Tarmizi turut menyampaikan salam Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin yang juga mantan Naib Canselor UMS yang

kedua.

Zamri berharap hubungan dua hala antara kedua-dua IPTA itu akan ditingkatkan lagi melalui pelbagai bidang membabitkan pensyarah, kakitangan dan pelajar.

**ZAMRI (empat kanan) menyampaikan cenderamata kepada Ahmad Tarmizi diperhatikan pegawai UMS Labuan.**

